

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PARLIMEN, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak dan Klinik Kesihatan Tabuan Jaya. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat. Apakah sebab projek tersebut ditangguhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Hospital Petrajaya (300 katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada tahun 2011. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) dengan Fasa Pembinaan bermula pada 30 Mei 2013 dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2018. Walau bagaimanapun, berikutan prestasi kemajuan projek yang tidak memuaskan, JKR Malaysia telah menamatkan kontraktor Zecon Berhad pada 2 Ogos 2018. Projek Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Hospital Petrajaya dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh JKR Malaysia. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 30 Disember 2020 kepada Blackfox Engineering Sdn. Bhd. Sehingga kini, kemajuan sebenar projek adalah 5.02% dengan tarikh siap semasa pada bulan Januari 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berhubung dengan status pembinaan Klinik Kesihatan Tabuan Jaya, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 2) Tabuan Jaya, Kuching telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016. Projek ini dilaksanakan di dalam dua (2) fasa:

- (i) Fasa pertama melibatkan kerja-kerja tanah, telah dimulakan pada 28 Mac 2017 dan siap sepenuhnya pada 28 Februari 2018. Fasa ini telah dilaksanakan oleh kontraktor Engsunai Enterprise Sdn. Bhd; dan
- (ii) Fasa kedua pula melibatkan kerja bangunan, telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh JKR Sarawak. Projek ini telah ditender kali pertama pada 2 Februari 2019. Namun, pada 15 Januari 2020, Perbendaharaan Malaysia Sarawak melalui *Federal Central Tenders Board* (FCTB) telah memutuskan supaya projek ini ditender semula. Projek ini telah ditender semula pada 12 Februari 2021 dan telah dibentangkan di dalam FCTB pada 12 Ogos 2021.

3. JKR Sarawak telah mengemukakan permohonan turun kuasa dari Menteri Kerja Raya Malaysia kepada Pengarah JKR Sarawak bagi menandatangani Surat Setuju Terima (SST) melebihi RM5 juta pada 15 September 2021. SST akan dikeluarkan oleh JKR Sarawak kepada petender berjaya setelah permohonan Perwakilan Kuasa Menandatangani Kontrak diluluskan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia.

Sekian, terima kasih.